

PANDANGAN ULAMA TERHADAP PERKARA *LAGHĀ* KETIKA KHUTBAH JUMAAT: ANALISIS ISU-ISU SEMASA

Islamic Scholarly Perspectives on Idle Acts During the Friday Sermon: An Analytical Study of Contemporary Issues

ⁱ*Zubair Amir Nur Rashid

ⁱⁱMuhammad Aiman Akmal Omar

ⁱⁱⁱMohd Hapiz Mahaiyadin

ⁱAkademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur, zubairislah@gmail.com.

ⁱⁱJabatan Mufti Negeri Selangor, 40000 Shah Alam, Selangor, aiman@muftiselangor.gov.my.

ⁱⁱⁱAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 50603 Shah Alam, hapiz@uitm.edu.my.

*(Corresponding author) e-mail: zubair@upnm.edu.my

ABSTRAK

Golongan yang diwajibkan untuk menunaikan solat Jumaat dituntut untuk bersegera meninggalkan segala kegiatan seharian mereka untuk menunaikan solat. Tuntutan agar bersegera menunaikan solat Jumaat serta fokus terhadap khutbah Jumaat disebutkan di dalam nas dengan menyifatkan golongan yang mengabaikannya sebagai melakukan perkara *laghā*. Walau bagaimanapun, tafsiran terhadap perkara *laghā* dalam konteks isu semasa menjadi kemusykilan masyarakat memandangkan hadis-hadis hanya menyebutkan situasi yang bersesuaian pada zaman tersebut seperti bermain batu dan sebagainya. Begitu juga, hukum menjalankan kegiatan-kegiatan yang bersifat keperluan seperti petugas multimedia yang mengawal selia teks khutbah, petugas keselamatan dan sebagainya perlu dijelaskan kerana ia berkait rapat dengan perbuatan *laghā*. Objektif kajian ini bertujuan untuk menjelaskan perkara *laghā* menurut perspektif hukum Islam serta menjelaskan hukum terhadap isu-isu semasa ketika khutbah Jumaat. Penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada teks para ulama empat mazhab serta menganalisis nas-nas bagi mendapat maksud sebenar perkara *laghā*. Kajian mendapati bahawa perkara *laghā* bermaksud sebarang perbuatan yang tidak berfaedah, sia-sia dan boleh menghilangkan khusyuk daripada mendengar khutbah Jumaat. Terdapat khilaf ulama empat mazhab berkaitan penentuan hukum *inṣāṭ* iaitu berdiam diri ketika khatib sedang berkhotbah. Majoriti ulama berpandangan bahawa hukumnya adalah wajib, manakala mazhab *Shāfi'ī* menghukumkan *inṣāṭ* sebagai sunat. Hal ini memberi kesan kepada hukum melakukan perkara-perkara *laghā* tersebut ketika khutbah sedang berlangsung sekaligus menjadi panduan bagi pengkaji untuk menganalisis isu-isu semasa dan membuat penentuan hukum terhadap kegiatan-kegiatan yang dijalankan pada masa kini ketika khatib Jumaat.

Kata Kunci: *laghā*; khutbah; isu-isu semasa; solat jumaat.

ABSTRACT

This study focuses on the Friday Sermon which is one of the acts of worship. It is an act of worship that holds a significant position in the lives of Muslims. It serves not only as a medium for delivering advice and guidance based on Islamic teachings but also as a platform to enhance spiritual and social awareness. Therefore, those obligated to listen to the sermon are the same individuals required to perform the Friday prayer, leaving behind all daily activities promptly to fulfill this obligation. The command to hasten for the Friday prayer and to focus on the sermon is mentioned in Islamic texts, with those who neglect it described as engaging in vain actions (*laghā*). However, certain unavoidable activities may occur during the Friday sermon, such as multimedia and security officers. The objective of this study is to clarify the concept of *laghā*, its meaning, and the guidelines to determine what constitutes *laghā* and what does not, for the benefit of the community. The author employs a qualitative method by referring to the works of scholars from the four Islamic schools of thought and analyzing scriptural texts to understand the true meaning of *laghā* as intended by the Prophet Muhammad (peace be upon him). Studies have found that *laghā* refers to any act that is futile, meaningless, and may distract a person from focusing during the Friday sermon. There is a difference of opinion among the scholars of the four schools of thought regarding the ruling on *inṣāt* remaining silent while the *khatib* is delivering the sermon. The majority of scholars hold that it is obligatory, whereas the Shāfi'ī school considers *inṣāt* to be recommended (sunnah). This divergence impacts the ruling on engaging in *laghā* during the sermon and serves as a guide for researchers to analyse contemporary issues and determine the legal ruling on activities conducted today while the Friday sermon is being delivered.

Keywords: vain actions (*laghā*), The Friday sermon, contemporary issues Friday prayer.

PENDAHULUAN

Solat Jumaat merupakan suatu kewajipan ke atas orang Islam, lelaki, berakal, baligh, merdeka, bermukim dan sihat tubuh badan.¹ Apabila seruan untuk mendirikan solat Jumaat dibuat, mereka yang diwajibkan solat Jumaat mesti meninggalkan segala kegiatan mereka dan bergegas untuk menunaikan solat. Hal ini berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah ayat 9:

¹ Hasan bin Ahmad al-Kaff. *al-Taqrīrāt al-Sadīdah Fī Masā'il al-Mufīdah*. (Tarim: Dār Mirāth al-Nabawī, 2022). 324.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Selain itu, mereka dituntut melakukan beberapa persiapan seperti memakai wangi-wangian, mandi termasuk datang awal ke masjid berdasarkan hadis daripada Abū Hurayrah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَهُ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقَرَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً، فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ

Maksudnya: Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seumpama berkorban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seumpama dia berkorban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seumpama dia berkorban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seumpama dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seumpama dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah).²

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)

Larangan Melakukan Perkara *Laghā* Ketika Mendengar Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat dilaksanakan selepas azan kedua dikumandangkan oleh bilal. Terdapat beberapa hadis Nabi SAW yang menyebutkan secara jelas mengenai tuntutan diam dan fokus bagi mendengar khutbah Jumaat. Antara hadis tersebut adalah hadis mengenai beberapa tuntutan sunat bagi mereka yang diwajibkan solat Jumaat sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Hadis tersebut memberikan isyarat bahawa apabila khatib telah keluar untuk berkhotbah, maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan daripada khutbah tersebut.

² Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993). Hadis no. 841, 1: 301. Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. (Kaherah: Maṭba'ah 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Shirkāh). Hadis no. 850, 2: 582.

Selain itu, terdapat hadis yang menceritakan berkaitan perbuatan yang dihukumkan sebagai *laghā* iaitu bercakap-cakap ketika khatib sedang berkhotbah. Hadis ini diriwayatkan daripada Abū Hurayrah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: أَنْصِتْ، وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَعَوْتَ

*Maksudnya: Jika kamu berkata kepada sahabatmu pada hari Jumaat: Diam dan ketika itu imam sedang berkhotbah, maka sesungguhnya kamu telah laghā (melakukan perkara yang sia-sia).*³

(Riwayat al-Bukhārī)

Sementara itu, bermain batu merupakan contoh perkara yang *laghā* atau tidak berfaedah ketika khutbah Jumaat sedang berlangsung seperti yang dijelaskan oleh Nabi SAW dalam sebuah hadis daripada Abū Hurayrah RA, sabda Nabi SAW:

مَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَعَا

*Maksudnya: Barangsiapa yang memegang batu kerikil (bermain), maka sesungguhnya dia telah dianggap laghā (berbuat perkara sia-sia).*⁴

(Riwayat Ibn Mājah)

Dalam mensyarahkan hadis ini, Imam al-Nawawī menyatakan:

فيه النهي عن مس الحصا وغيره من أنواع العبث في حالة الخطبة وفيه إشارة إلى إقبال القلب والجوارح على الخطبة والمراد باللغو هنا الباطل المذموم المردود

*Maksudnya: Pada hadis ini terdapat larangan untuk memegang batu kerikil dan perbuatan lain yang termasuk dalam kategori sia-sia ketika khutbah sedang berlangsung. Ini menunjukkan bahawa perlunya menghadap hati dan anggota badan untuk fokus kepada khutbah. Adapun maksud laghā dalam hadis ini adalah perkara yang batil, tercela dan tertolak.*⁵

Dalam riwayat yang lain berkaitan perbuatan *laghā*, sebuah hadis daripada Abū Hurayrah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

³ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Hadis no. 892, 1: 316..

⁴ Abū Abdullah Muḥammad bin Yazīd bin Mājah al-Qazwinī, *Sunan Ibn Mājah*. (t.t.p.: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, t.t.). Hadis no. 1025, 2: 151.

⁵ Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī. *Syarḥ al-Nawawī ‘ala Muslim*. (Beirut: Dār Iḥyā’ Turath ‘Arabiy, 1972). 6: 147.

مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ فَاسْتَمَعَ وَأَنْصَتَ عُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ وَزِيَادَةُ
ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ وَمَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا

Maksudnya: Barangsiapa yang berwuduk, lalu dia menyempurnakan wuduknya, datang mengerjakan solat Jumaat, lalu dia mendengar, berdiam (untuk mendengar khutbah), diampunkan baginya dosa di antaranya dan Jumaat dengan ditambah tiga hari. Barangsiapa yang memegang batu (bermain) nescaya dia telah berbuat laghā.⁶

(Riwayat Muslim)

Selain itu, sebahagian hadis tidak menggunakan lafaz *laghā* secara spesifik tetapi menjelaskan larangan melakukan perbuatan tersebut ketika khutbah. Perbuatan yang dimaksudkan adalah perbuatan melangkah bahu yang ditegah oleh Rasulullah SAW ketika khatib sedang berkhutbah sebagaimana yang disebutkan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu al-Zāhiriyyah, beliau menceritakan bahawa:

كُنَّا مَعَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُسْرِ صَاحِبِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَجَاءَ رَجُلٌ يَتَخَطَّى
رِقَابَ النَّاسِ، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بُسْرٍ: جَاءَ رَجُلٌ يَتَخَطَّى رِقَابَ النَّاسِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اجْلِسْ فَقَدْ آذَيْتَ وَآنَيْتَ

Maksudnya: Ketika kami bersama ‘Abdullah bin Busr, seorang sahabat Nabi SAW, pada hari Jumaat. Kemudian datang seorang lelaki yang melangkahi tengkuk orang ramai (untuk maju ke hadapan). Abdullah bin Busr berkata: Seorang lelaki datang melangkahi bahu-bahu orang pada hari Jumaat, sedangkan Nabi SAW sedang berkhutbah. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: Duduklah, sesungguhnya kamu telah menyakiti (orang lain) dan lambat datang.⁷

(Riwayat Abū Dāud dan al-Nasā’ī)

Maksud *Laghā* Menurut Pandangan Ulama

Terdapat beberapa makna yang merujuk kepada perkataan *laghā* yang diungkapkan oleh Nabi SAW. Antara yang disebutkan oleh para ulama dalam mendefinisikan *laghā* ini seperti;

⁶ Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hadis no. 857, 2: 588.

⁷ Abū Dāud Sulaymān bin al-Ash’ath al-Azdī al-Sijistānī. *Sunan Abū Dāud*. (t.t.p.: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, t.t.). Hadis no. 1118, 2: 333-334. Abū ‘Abdurrahman Aḥmad bin Shu’aib al-Nasāī. *Al-Sunan al-Kubrā*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001). Hadis no. 1718, 2: 277.

- i. Naḍr bin Syumail (203H) menyebutkan *laghā* dengan maksud hilang pahala. Al-Zain bin al-Munīr pula menyebutkan sepakat ahli tafsir bahawa *laghā* tersebut bermakna sebarang perkataan yang tidak baik.⁸
- ii. Imam al-Qurtūbi (671H) membawakan pandangan Ibn ‘Abbas, katanya *laghā* adalah setiap perkataan yang tidak mengandungi *zikrullah* (ingat kepada Allah SWT).⁹
- iii. Menurut Imam Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H) dalam kitabnya *Fath al-Bāri*, Akhfasy berkata, *laghā* adalah perkataan yang tiada asal baginya.¹⁰
- iv. Menurut Imam Hasan bin ‘Ali al-Fayyūmi (870H), *laghā* yang disebutkan dalam hadis ini merujuk kepada sebarang perkataan yang tidak mendatangkan kebaikan seperti bercakap-cakap ketika khutbah sedang berlangsung.¹¹
- v. Menurut Ibn Qāsim al-Ḥanbali, melakukan perbuatan yang sia-sia ketika khutbah Jumaat berlangsung adalah makruh kerana ia boleh menghilangkan khusyuk. Perbuatan yang sia-sia itu seperti bermain dengan tangan, kaki, janggut, baju dan sebagainya juga tidak terkecuali.¹²

Tafsiran-tafsiran ini menunjukkan bahawa perbuatan *laghā* ketika khutbah Jumaat merujuk kepada sebarang perbuatan atau perkataan yang tidak berfaedah, sia-sia dan boleh menghilangkan khusyuk daripada mendengar khutbah Jumaat. Kesannya, perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala seseorang dalam solat Jumaat.

Antara sebab terhadap tegahan berbuat bising atau melakukan perkara yang *laghā* ketika khatib sedang berkhotbah adalah kerana khutbah tersebut sebagai *badal* (ganti) kepada dua rakaat solat Zohor. Oleh itu, diharamkan bercakap ketika khatib sedang berkhotbah sebagaimana diharamkan bercakap ketika solat.¹³ Berdasarkan *qiyās awlawī* sekiranya perbuatan menyuruh orang lain diam yang merupakan suatu *amar ma ‘rūf* juga dilarang, maka lebih utama perbuatan-perbuatan lain juga adalah dilarang ketika khutbah sedang berlangsung.

Berdasarkan nas-nas yang telah disebutkan, hasil analisis pengkaji, terdapat dua indikator perbuatan *laghā* yang ditegah oleh syarak kerana mengganggu konsentrasi pendengar pada penyampaian khutbah iaitu:

- i. Secara perbuatan: Memegang batu (وَمَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا) dan melangkah bahu (تخطى). (الرقاب).
- ii. Secara perkataan: Menyuruh orang lain diam (إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ: أَنْصِتْ).

⁸ Muhammad Abd al-Rahmān al-Mubārakfūrī. *Tuhfah al-Aḥwazi bi Syarḥ Jāmi’ al-Tirmizī*. (Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, t.t.). 3: 31.

⁹ Abū Abdullah Bin al-Anṣārī al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*. (Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah, 1964). 11: 126.

¹⁰ Muhammad Abd al-Rahmān al-Mubārakfūrī. *Tuhfah al-Aḥwazi bi Syarḥ Jāmi’ al-Tirmizī*. 3: 31.

¹¹ Abu Muḥammad Hasan bin ‘Alī. *Fath al-Qarīb al-Mujīb ‘Alā al-Targhīb wa al-Tarhīb*. (Riyadh: Maktabah Dār al-Salām, 2018). 4: 645.

¹² ‘Abdurrahman bin Muḥammad bin Qāsim al-‘Āsimī al-Ḥanbalī. *Al-Iḥkām Sharḥ Uṣūl al-Aḥkām*. 1: 468.

¹³ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Din bin Sharaf. *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*. (Kaherah: Idārah al-Ṭibā’ah al-Muniriyyah, t.t.). 4: 525.

Hukum Perbuatan *Laghā* Menurut Fuqaha Empat Mazhab

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha empat mazhab bagi menentukan hukum melakukan perbuatan *laghā* ketika khutbah Jumaat. Secara umum, perbezaan pandangan fuqaha tersebut merangkumi antara pandangan yang sepakat dan juga yang berlawanan di sisi empat mazhab muktabar seperti yang dapat dirumuskan dalam jadual 1 dan jadual 2;

Jadual 1: Rumusan Pandangan Mazhab Terhadap Hukum Melakukan Perbuatan lagha dan Berdiam Ketika Khutbah

Mazhab	Hukum	
	Melakukan perbuatan lagha ketika khutbah sedang berlangsung	Berdiam (<i>al-Inṣāf</i>) Ketika Khutbah
Hanafi	Haram	Wajib
Maliki		
Hanbali		
Syafie	Makruh	Sunat

Sumber: Olahan Pengkaji

Jadual 2: Rumusan Pandangan Mazhab Terhadap Hukum Perbuatan Yang Tidak Menghilangkan Fokus Disebabkan Anjuran Sunat Ketika Khatib Sedang Berkhutbah

Hukum Melakukan Perbuatan Yang Tidak Menghilangkan Fokus Disebabkan Anjuran Sunat Ketika Khatib Sedang Berkhutbah			
Hanafiyyah	Malikiyyah	Hanabilah	Syafi'iyah
Makruh <i>tahrīm</i> bercakap, baca Quran, solat sunat, zikir, menulis, jawab salam, amar makruf nahi mungkar. ¹⁴	Haram bercakap, beri salam, jawab salam, tegah orang bermain, baling batu, menjawab bersin, menulis dan sebagainya. ¹⁵	Haram bercakap bagi orang dekat dengan khatib. Khatib boleh bercakap dan menjawab soalan orang bertanya. Bagi orang yang berada jauh dengan khatib sekiranya tidak dapat mendengar khutbah tersebut, tidak diharamkan bahkan disunatkan baginya untuk berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya kerana dia	Wajib <i>inṣāf</i> pada rukun khutbah oleh 40 Jemaah mastautin. Bagi orang lain hukumnya makruh jika kalam tersebut لا يتعلق به غرض مهم ناجز Iaitu: Sesuatu yang tiada kaitan dengannya tujuan penting yang mendatang seperti memberi amaran akan bahaya, melarang seseorang melakukan kemungkaran dan sebagainya. ¹⁷

¹⁴ 'Alā' al-Dīn, Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī al-Ḥanafī. *Badāi' al-Ṣanāi' Fī Tartīb al-Sharāi'*. (Mesir: Maṭba'ah Sharikah al-Maṭbū'āt al-'Ilmiyyah, 1910), 1: 263-264; Muḥammad Amīn ibn 'Abidīn. *Ḥāshiyah Radd al-Muḥtār 'Alā al-Durr al-Mukhtār*. (Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī Wa Aulāduhu, 1966), 2: 158-159.

¹⁵ Muḥammad bin Aḥmad bin 'Arfaḥ al-Dusūqī al-Mālikī. *Ḥāshiyah al-Dusūqī 'Alā al-Sharḥ al-Kabīr*. (t.t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1: 387-388; Abū al-Ḥasan 'Alī bin Aḥmad bin Mukrim al-Ṣa'īdī al-'Adwī. *Ḥāshiyah al-'Adwī 'Alā Sharḥ Kifāyah al-Tālib al-Rabbānī*. (Beirūt: Dār al-Fikr, 1994), 1: 377-378.

¹⁷ Shamsuddīn Muḥammad Bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-Alfāz Al-Minhāj*. (t.t.p.: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1: 553; Aḥmad bin Muḥammad bin Alī bin Hajr al-Haitamī. *Tuḥfah al-Muhtāj fī Sharḥ al-Minhāj wa al-Hawāshī al-Sharwānī al-Ibādī*. (Mesir: Al-Maktabah al-

		tidak dianggap sebagai orang yang mendengar khutbah. ¹⁶	
--	--	--	--

Sumber: Olahan Pengkaji

Rumusannya, menurut mazhab *Shāfi'ī* sebarang perbuatan yang sia-sia iaitu perkara yang tidak mendatangkan fokus ketika khutbah Jumaat sedang berlangsung dihukumkan sebagai makruh.¹⁸ Hal ini termasuk perbuatan seperti meminum air dalam keadaan tidak haus atau seumpamanya dihukumkan sebagai makruh.¹⁹ Pada masa kini, perbuatan bermain gajet, telefon bimbit, berbalas mesej atau melayari internet tanpa sebab juga termasuk dalam perbuatan yang sia-sia ketika khutbah Jumaat. Perbuatan-perbuatan seumpama ini akan dibahasakan pada sub-topik berikutnya secara lebih mendalam. Kesan daripada melakukan perkara *laghā* ketika khutbah Jumaat menurut sebahagian ulama adalah perkara tersebut boleh menyebabkan pahala Jumaat seseorang itu luput.²⁰

Walau bagaimanapun, pandangan jumhur fuqaha adalah lebih berat dengan mengambil hukum haram sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Oleh itu, pandangan mazhab *Shāfi'ī* wajar dipegang oleh masyarakat Islam di Malaysia sesuai dengan pengamalan masyarakat secara umum dan menepati tatacara pengeluaran fatwa sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia.

Sebarang perkara yang boleh melalaikan adalah dianggap perbuatan yang *laghā* serta dihukumkan sebagai makruh yang boleh mengurangkan pahala Jumaat menurut mazhab *Shāfi'ī*. Sebaliknya, perkara yang boleh membantu fokus dan perhatian kepada isi kandungan khutbah adalah dituntut dan dibenarkan. Oleh itu, pihak berautoriti berperanan memberikan penjelasan kepada masyarakat berkenaan hal ini.

Isu-Isu Semasa Ketika Khutbah Jumaat di Malaysia

Isu-isu semasa sering berlaku dalam kalangan masyarakat umat Islam dari hari ke hari. Hal ini menjadikan umat Islam dalam kehairanan dan tertanya-tanya akan hukum-hakam yang sering berlegar dalam kehidupan seharian mereka. Antara perkara yang sering menjadi permasalahan hukum saban tahun ketika khutbah sedang berlangsung adalah seperti berikut;

1. Penggunaan Telefon Bimbit

Tijāriyyah al-Kubrā, 1983), 2: 454. Sulaymān bin Muḥammad bin Umar al-Bujairimī al-Miṣrī al-Shāfi'ī. *Hāshiyah al-Bujairimī 'Alā al-Khaṭīb*. (t.t.p: Dār al-Fikr, 1995), 2: 202. Shamsuddīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad bin Hamzah al-Ramlī. *Nihāyah al-Muḥtāj Sharḥ al-Minhāj*. (Beirūt: Dār al-Fikr, 1984), 2: 320.

¹⁶ Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī. *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*. (Beirūt: 'Ālamu al-Kutub, 1993), 1: 322. Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī. *Kashshāf al-Qinā' 'An Matn al-Iqnā'*. (Riyād: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthiyyah, t.t.), 2: 47.

¹⁸ Ibn Qasim al-'Asimi al-'Āsimī al-Ḥanbalī. *Al-Iḥkam Syarḥ Usul al-Aḥkam*. 1: 468.

¹⁹ Prof. Dr. Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. (Dimashq: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 1321.

²⁰ Muḥammad Abd al-Raḥmān al-Mubārakfūi. *Tuḥfah al-Aḥwazi bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmizī*. 3: 31-32.

Telefon bimbit lebih-lebih lagi telefon pintar merupakan peranti yang mesti ada pada masyarakat hari ini. Telefon pintar mengambil pelbagai peranan dalam kehidupan sebagai medium untuk bersosial, menonton video, membaca bahan-bahan bertulis, mencatat nota dan sebagainya. Menggunakan telefon bimbit semasa khutbah boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu:

- i. Bertujuan untuk menambahkan fokus kepada khutbah Jumaat seperti mencatat nota, melihat *slide* atau teks khutbah dan petugas media yang mengawal paparan teks khutbah di masjid atau surau Jumaat. Perkara ini dibenarkan kerana ia termasuk perkara yang membantu fokus kepada khutbah.
- ii. Tujuan penggunaan tidak berkaitan dengan khutbah seperti melihat mesej, melayari media sosial, menonton gambar atau membaca bahan bacaan yang tidak berkaitan dengan khutbah. Tujuan ini boleh dianggap sebagai perbuatan *laghā* yang dimaksudkan dalam hadis Nabi SAW serta boleh mengurangkan pahala Jumaat.

2. Menggerakkan Tabung Ketika Khutbah

Tujuan utama kutipan sumbangan Tabung Jumaat digerakkan kepada para Jemaah adalah bagi mendapatkan dana masjid. Tabung ini digerakkan selepas azan kedua atau ketika khutbah Jumaat kerana hasil kutipan daripada tabung itu lebih banyak berbanding ia digerakkan lebih awal sebelum azan kedua. Perbuatan sebegini dikira sebagai melakukan perkara yang *laghā* ketika khutbah sedang berlangsung oleh kerana dapat menghilangkan fokus jemaah ketika menggerakkan tabung tersebut dari mendengar khutbah yang disampaikan. Menurut pandangan muftamad dalam mazhab *Shāfi'ī* hukumnya *makruh* membuat sebarang kutipan Jumaat sebaik sahaja khatib memulakan khutbah sehingga selesai khutbah kedua. Namun begitu, bagi meraiikan pandangan tiga mazhab lain yang mengharamkan sebarang perbuatan yang boleh mengganggu fokus kepada khutbah, maka tidak digalakkan untuk menggerakkan tabung ketika khutbah Jumaat berdasarkan kaedah *al-khurūj min al-khilāf mustahab* (keluar daripada khilaf adalah digalakkan). Justeru, menurut pengkaji, cara yang terbaik adalah tabung tersebut boleh digerakkan sebelum khutbah bermula atau selepas selesai solat Jumaat.

Sesetengah masjid menggerakkan tabung Jumaat dengan menyuruh kanak-kanak untuk membawa uncang bagi kutipan tabung Jumaat. Dalam isu ini, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rajab 1438H memutuskan bahawa:

- i. Jemaah hendaklah mendengar dan menghayati Khutbah Jumaat dengan sepenuhnya;
- ii. Harus menggerakkan tabung kutipan Jumaat ketika khatib membaca khutbah dengan syarat tidak menghalang para jemaah daripada mendengar khutbah;
- iii. Hasil kutipan digunakan untuk *maṣlahah* masjid seperti membayar bil-bil air, elektrik, pengimaran, pembangunan dan penyelenggaraan masjid; dan
- iv. Petugas yang mengendalikan tabung kutipan atau multimedia hendaklah dipastikan tidak menghalang jemaah daripada mendengar dan memahami khutbah yang dibacakan.

Berdasarkan pandangan hukum yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di atas, menggerakkan tabung kutipan Jumaat ketika khatib membaca khutbah tanpa menghalang jemaah daripada mendengar khutbah adalah dibenarkan. Perbuatan kanak-kanak tersebut membawa uncang dengan bergerak daripada saf ke saf yang lain boleh menghalang penglihatan dan mengganggu fokus jemaah untuk mendengar khutbah dan dihukumkan sebagai makruh. Perkara ini umum sama ada orang yang menggerakkan uncang tersebut kanak-kanak yang *mumayyiz* atau belum *mumayyiz* kerana terdapat isu mengganggu fokus terhadap khutbah daripada perbuatan tersebut. Oleh itu, pihak masjid disarankan agar tidak berbuat demikian dan menyediakan tabung bergerak yang boleh digerakkan oleh jemaah sendiri.

3. Petugas-petugas yang berada di luar masjid

Petugas-petugas yang berada di luar masjid semasa khutbah Jumaat, seperti mereka yang menjaga lalu lintas, mengawal keselamatan, atau menjalankan tugas lain untuk melancarkan perjalanan ibadah, sering menjadi persoalan dari sudut hukum. Berikut adalah beberapa pandangan dan pertimbangan:

Terdapat beberapa pengecualian terhadap tugas yang mempunyai maslahat kepada masyarakat seperti *nahī munkar* (mencegah kemungkaran) atau menyampaikan berita tertentu. Dalam hal ini, dibenarkan bagi mereka yang mempunyai tujuan penting yang bersifat mendatang bagi melaksanakannya ketika itu juga. Hal ini sama seperti kenyataan di dalam mazhab Shafi'i yang membenarkan perkara tersebut. Sebagaimana Syaikh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī menyebutkan:

(وَإِنْ عَرَضَ لَهُمْ) نَاجِزٌ (كَتَعْلِيمِ خَيْرٍ وَنَهْيٍ عَنْ مُنْكَرٍ) وَإِنْ ذَارَ إِنْسَانٌ عَقْرَبًا أَوْ أَعْمَى بُتْرًا (لَمْ يُنْعَ مِنْهُ) أَيُّ مِنَ الْكَلَامِ بَلْ قَدْ يَجِبُ عَلَيْهِ (لَكِنْ يُسْتَحَبُّ أَنْ يُقْتَصَرَ عَلَى الْإِشَارَةِ) إِنْ أَغْنَتْ (وَيُبَاحُ لَهُمْ بِلاَ كَرَاهَةٍ

Maksudnya: Jika ditimpa perkara penting yang mendatang seperti memberitahu suatu berita, mencegah kemungkaran, memberi peringatan kepada seseorang akan adanya kala jengking, atau mengingatkan orang buta akan adanya telaga, (tidak ditegah daripadanya) untuk bercakap bahkan kadangkala menjadi wajib ke atasnya. (Tetapi disunatkan untuk berpada secara isyarat) jika tidak memerlukan kata-kata. Diharuskan untuk mereka perbuatan tersebut serta tidak makruh.²¹

Kemudian disambung lagi bahawa keharusan bercakap sebelum, setelah dan ketika khutbah berlangsung kerana adanya keperluan ketika itu. Sebagaimana yang disebutkan oleh beliau seperti berikut;

²¹ Zakariyyā bin Muḥammad bin Zakariyyā al-Anṣārī. *Asnā al-Maṭālib Fī Sharḥ Rawd al-Ṭālib*. (t.t.p.:Dār al-Kutub al-Islāmī, t.t.). 1: 258.

(الْكَلَامُ قَبْلَ الْخُطْبَةِ وَبَعْدَهَا وَبَيْنَهُمَا) أَيْ الْخُطْبَتَيْنِ (و) الْكَلَامُ (لِلدَّخْلِ) فِي أَثْنَائِهَا (مَا لَمْ يَجْلِسْ)
يَعْنِي مَا لَمْ يَتَّخِذْ لَهُ مَكَانًا وَيَسْتَقِرَّ فِيهِ وَالتَّقْيِيدُ بِالْجُلُوسِ جَرَى عَلَى الْغَالِبِ وَظَاهِرٌ أَنَّ مَحَلَّ ذَلِكَ
إِذَا دَعَتْ الْحَاجَّةُ إِلَيْهِ

Maksudnya: (Percakapan sebelum, selepas dan diantara khutbah) dua khutbah dan percakapan (bagi orang yang berada di dalam) semasa khutbah selagi mana dia belum duduk iaitu dia belum mengambil tempat dan menetap di situ. Pembatasan dengan "duduk" ini adalah berdasarkan kebiasaan. Jelasnya, perkara ini dibenarkan apabila terdapat keperluan kepadanya.²²

4. Larangan Berjual-Beli Ketika Khutbah

Para ulama berbeza pandangan berkenaan isu jual beli setelah azan Jumaat. Pandangan ini berdasarkan surah al-Jumu'ah ayat 9 (فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ). Arahan ini hanya dikhususkan kepada individu yang diwajibkan solat Jumaat. Oleh itu, jual beli yang dilakukan oleh kaum wanita, orang musafir atau lain-lain yang tidak diwajibkan padanya Jumaat adalah tidak dilarang.

Menurut Imam al-Nasafi di dalam tafsirnya, maksud (ذكر الله) dalam ayat ini adalah khutbah Jumaat di sisi majoriti ulama.²³ Di samping itu, Imam al-Nawawi juga menyatakan maksud yang sama, iaitu khutbah Jumaat kerana khutbah adalah suatu zikir yang menjadi syarat sah Jumaat.²⁴ Selain itu, dalam hal ini dikiaskan larangan jual beli dengan perkara-perkara lain sama ada berbentuk akad ataupun tidak seperti sewa, akad nikah, dan lain-lain kerana ia boleh melalaikan seseorang daripada mendirikan solat Jumaat. Hal ini kerana tujuan utamanya adalah agar tidak melambatkan diri daripada bersegera menuju solat Jumaat sebagaimana yang disebutkan Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Majmu'*.²⁵

Di samping itu, isu seseorang yang diwajibkan solat Jumaat berjual-beli dengan individu yang tidak diwajibkannya telah dibahas oleh para fuqaha *Shāfi'iyyah* Sekiranya seseorang berjual-beli dengan individu yang tidak diwajibkan Jumaat seperti orang perempuan, kanak-kanak dan sebagainya, maka hukumnya haram bagi individu yang terlibat tersebut akan tetapi jual belinya sah. Imam asl-Khāṭib Al-Sharbīnī menyatakan bahawa;

وَلَوْ تَبَايَعَ اثْنَانِ أَحَدُهُمَا فَرَضُهُ الْجُمُعَةُ دُونَ الْآخَرِ أَمَّا جَمِيعًا وَإِنْ لَمْ تُفْهَمْهُ عِبَارَةُ الْمُصَنِّفِ لِارْتِكَابِ
الْأَوَّلِ النَّهْيَ وَإِعَانَةَ الثَّانِي لَهُ عَلَيْهِ، وَنَصَّ عَلَيْهِ الشَّافِعِيُّ وَمَا نَصَّ عَلَيْهِ أَيْضًا مِنْ أَنَّ الْإِثْمَ خَاصٌّ
بِالْأَوَّلِ حُلٍّ عَلَى إِثْمِ التَّفْوِيتِ. أَمَّا إِثْمُ الْمُعَاوَنَةِ فَعَلَى الثَّانِي

²² Al-Ansārī. Abū Yahya Zakariyya. *Asnā al-Maṭālib Syarḥ Rawḍ at-Tālib*. 1: 258.

²³ Abū al-Barakāt Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī. *Madārik al-Tanzīl Wa Ḥaqāiq al-Takwīl*. (Beirut: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1998). 3: 482.

²⁴ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab*. 4: 513

²⁵ Al-Khāṭib Al-Sharbīnī Al-Shafī'i. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-Alfāz Al-Minhāj*. 1: 566.

Maksudnya: Jika dua orang melakukan jual beli, di mana salah seorang daripada mereka diwajibkan solat Jumaat sedangkan yang lain tidak, maka kedua-duanya berdosa. Walaupun kenyataan pengarang tidak secara jelas menunjukkan hal ini, hukumnya adalah kerana yang pertama melakukan larangan dan pihak yang kedua membantunya dalam melakukannya. Imam al-Shafi'i telah menegaskan perkara ini. Apa yang beliau juga nyatakan, bahawa dosa itu khusus untuk yang pertama, adalah merujuk kepada dosa melupakan kewajipan (solat Jumaat). Adapun dosa membantu perbuatan tersebut, maka itu adalah tanggungan pihak yang kedua.²⁶

Perbuatan Jual beli yang dilakukan setelah azan Jumaat dikumandangkan oleh *muazzin* dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan pandangan hukum di sisi para fuqaha mazhab yang muktabar. Perbezaan ini berlaku atas dasar ijtihad dan kefahaman mereka masing-masing terhadap nas-nas al-Quran dan Sunnah dalam mengistinbatkan sesuatu hukum. Dalam mazhab *Shāfi'ī*, jual beli itu sah tetapi perbuatannya haram. Pandangan ini bersandarkan kepada kaedah usul fiqh bahawa larangan terhadap sesuatu yang bukan lazim terhadap perkara yang dilarang tidak menunjukkan batalnya amalan tersebut.²⁷ Ini adalah merupakan pandangan jumhur fuqaha.²⁸

Kesimpulan

Khutbah Jumaat merupakan suatu bentuk pesanan buat umat Islam yang mesti didengari dengan jelas dan fokus oleh mereka yang diwajibkan solat Jumaat. Daripada perbahasan para ulama berkaitan hadis-hadis Nabi SAW mengenai tuntutan dan larangan ketika khutbah Jumaat sedang berlangsung, dapat kita simpulkan bahawa umat Islam dituntut untuk mendengar dan memberikan sepenuh perhatian kepada mesej yang disampaikan dalam khutbah Jumaat. Sebarang perbuatan yang tidak berfaedah, sia-sia dan boleh menghilangkan khusyuk daripada mendengar khutbah Jumaat adalah dianggap perkara *laghā*. Hukumnya adalah makruh dan boleh mengurangkan pahala Jumaat. Manakala perbuatan yang boleh membantu fokus dan mempunyai keperluan-keperluan tertentu tidak dianggap *laghā*. Oleh itu, masyarakat Islam dinasihatkan agar mendengar dan menghayati khutbah Jumaat serta meninggalkan perkara-perkara lain yang tidak berkaitan dengan maslahat Jumaat.

RUJUKAN

- Abū Dāud, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Azdī al-Sijistānī. *Sunan Abū Dāud*. t.t.p.: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, t.th.
- Abū Muḥammad Hasan bin ‘Alī. *Fath al-Qarīb al-Mujīb ‘Alā al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Riyadh: Maktabah Dār al-Salām, 2018.
- Al- Buhūtī, Mansūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī. *Kashshāf al-Qinā’ ‘An Matn al-Iqnā’*. Riyāḍ: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthiyyah, t.th.

²⁶ Al-Khāṭib Al-Sharbīnī Al-Shafi'i. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-alfāz Al-Minhāj*. 1: 566.

²⁷ Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī. *Al-Mustasfā*, (Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1993), 221.

²⁸ Al-Zuhaylī, Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. 2: 1321.

- Al- Haitamī, Ahmad bin Muhammad bin Alī bin Hajr. *Tuhfah al-Muhtāj fī Sharh al-Minhaj wa al-Hawāshī al-Sharwānī al-Ibādī*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1983.
- Al-‘Adwī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Aḥmad bin Mukrim al-Ṣa’īdī. *Hāshiyah al-‘Adwī ‘Alā Sharḥ Kifāyah al-Ṭālib al-Rabbānī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Al-‘Āsimī, ‘Abdurrahman bin Muḥammad bin Qāsim al-Ḥanbalī. *Al-Ihkām Sharḥ Uṣūl al-Ahkām*.
- Al-Anṣārī, Zakariyyā bin Muḥammad bin Zakariyyā. *Asnā al-Maṭālib Fī Sharḥ Rawd al-Ṭālib*. t.t.p.: Dār al-Kutub al-Islāmī, t.th.
- Al-Buhūtī, Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs. *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*. Beirut: ‘Ālamu al-Kutub, 1993.
- Al-Bujairimī, Sulaymān bin Muḥammad bin Umar. *Hāshiyah al-Bujairimī ‘Alā al-Khaṭīb*. t.t.p.: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993.
- Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arfaḥ. *Hāshiyah al-Dusūqī ‘Alā al-Sharḥ al-Kabīr*. t.t.p.: Dār al-Fikr, t.th.
- Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī. *Al-Mustaṣfā*. Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1993.
- Al-Kaff, Hasan bin Ahmad. *al-Taqrīrāt al-Sadīdah Fī Masāil al-Muḥḍadah*. Tarim: Dār Mirāth al-Nabawī, 2022.
- Al-Kasānī, ‘Alā’ al-Dīn, Abū Bakr bin Mas’ūd al-Ḥanafī. *Badāi’ al-Ṣanāi’ Fī Tartīb al-Sharāi’*. Mesir: Maṭba’ah Sharikah al-Maṭbū’āt al-‘Ilmiyyah, 1910.
- Al-Mubārakfūrī, Muhammad Abd al-Rahmān. *Tuhfah al-Aḥwazi bi Syarḥ Jāmi’ al-Tirmizī*. Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, t.th.
- Al-Nasa’i, Abū ‘Abdurrahman Aḥmad bin Shu’aib. *Al-Sunan al-Kubrā*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001.
- Al-Nasafī, Abū al-Barakāt Abdullah bin Aḥmad bin Maḥmūd. *Madārik al-Tanzīl Wa Ḥaqāiq al-Takwīl*. Beirut: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1998.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Kaherah: Idārah al-Ṭibā’ah al-Muniriyyah, t.th.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *Sharḥ al-Nawawī ‘ala Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ Turath ‘Arabiyy, 1972.
- Al-Qurtubī, Abū Abdullah Bin al-Anṣārī. *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah, 1964.
- Al-Ramlī, Shamsuddīn Muḥammad bin Aḥmad. *Nihāyah al-Muhtāj Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- Al-Sharbīnī, Shamsuddīn Muḥammad Bin Ahmad al-Khaṭīb. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma’rifati Ma’ānī Al-Āfāz Al-Minhāj*. t.t.p.: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.th.
- Al-Ṭibī, Sharafuddīn al-Ḥusayn bin ‘Abdullah. *Al-Kāshif ‘An Ḥaqāiq al-Sunan Sharḥ al-Mishkāt li al-Ṭibī*. Riyāḍ: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāzz, 1997.
- Al-Zuhaylī, Wahbah bin Muṣṭafā. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dimashq: Dār al-Fikr, t.th.
- Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn. *Hāshiyah Radd al-Muhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī Wa Aulāduhu, 1966.
- Ibn Majah, Abū Abdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwinī. *Sunan Ibn Mājah*. t.t.p.: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, t.th.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Maṭba’ah ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Shirkāh, 1955.